KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI JOHOR			

Dibuka semula kepada orang ramai berkuat kuasa Jumaat

Fasa Tiga PPN: Gunung Pulai 1 kembali jadi tumpuan

Oleh SHAFIQ TINO

KULAI

Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1 di sini kembali menjadi tumpuan selepas dibuka kepada orang ramai berikutan negeri ini beralih ke Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa Jumaat.

Kawasan rekreasi itu sebelum ini ditutup kepada pengunjung sejak Jun 2021 ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati seawal jam 8 pagi, pengunjung sudah mula memenuhi kawasan rekreasi tersebut untuk beriadah bersama keluarga mahupun rakan-rakan.

Salah seorang pengunjung, Hafizi Saim, 32, dari Pontian berkata, dia datang ke pusat rekreasi berkenaan untuk berkelah dan mandi air terjun selepas lama tidak dapat bercuti bersama keluarga.

Dia yang merupakan seorang anggota polis itu turut menzahirkan kelegaan kerana diberikan peluang untuk berehat.

"Hari ini Jumaat, saya ada peluang sikit untuk berehat, jadi saya dengan keluarga seramai sembilan orang datang ke sini untuk mandi air terjun. Ini juga peluang kepada kami untuk berkumpul sekejap selepas lama tidak berekreasi bersama.

"Lega sikit dapat berehat sebab dah berapa kali perlu bertugas, ada kalanya perlu bersiap siaga 24 jam," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1 di sini pada Jumaat.



Pintu masuk ke Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1 mula dibuka seawal jam 8 pagi kepada pengunjung.


Air terjun Gunung Pulai kembali dipenuhi pengunjung.


MUHAMMAD NAQIUDDIN | HARIS FAHMI | MUHAMMAD OJ | HAFIZI | ASMAJUMASIA

Gunung Pulai setinggi 654 meter dari atas paras laut terletak berhampiran bandar Johor Bahru.

Ia merupakan kawasan tadahan air berdekatan Johor Bahru dan Singapura, serta mempunyai air terjun yang menakjubkan.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Seorang lagi pengunjun, Asmajumasia Lahawing, 26, berkata, dia bersyukur kerana menerima suntikan vaksin lebih awal yang membolehkan dirinya pergi ke mana sahaja tanpa sebarang halangan.

"Alhamdulillah saya selesai vaksin (lengkap dua dos) bulan lalu, memang bersyukur sangat akhirnya boleh berjalan semula. Semua tempat kita nak masuk sekarang memerlukan dos lengkap macam nak masuk Gunung Pulai ini.

"Memang lama tunggu gunung ini buka sebab saya memang suka mendaki gunung, ini juga merupakan kali kedua saya mendaki gunung ini," katanya.

Bagi Muhammad OJ Abdullah, 39, dia sudah lama merancang untuk ke gunung tersebut bersama keluarga.

"Selalu tengok orang negeri lain seronok beriadah, kini tiba giliran kita pula.

"Peluang ini sudah lama kita nantikan cuma yang penting kena patuh arahan dan prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Sementara itu, dua sekawan yang ditemui di gunung tersebut, Haris Fahmi Ahmad, 19, dan Muhammad Naqiuddin Azamlee, 19, berkata, mereka menunggu saat untuk kembali mendaki sejak September lalu selepas kedua-dua mereka memperoleh vaksinasi lengkap.

Menurut Haris Fahmi, ini merupakan pendakiannya yang pertama di Gunung Pulai dan begitu gembira kerana akhirnya taman rekreasi awam itu dibuka semula.

"Saya memang teruja datang ke sini sebab biasa dengar orang lain sahaja naik gunung ini. Saya yang duduk Johor pun tidak pernah lagi sampai ke puncak, jadi bila dengar gunung ini dibuka saya terus datang," katanya.

Bagi Muhammad Naqiuddin pula, apa yang membuatkan dirinya datang ke kawasan berkenaan adalah kerana dapat kembali bertemu dengan rakan-rakan sekolahnya selepas kali terakhir berjumpa mereka pada tahun lalu.